



Bank Pilihan Anda

## **SOALAN - SOALAN LAZIM**

### **PENUKARAN KONSEP SYARIAH BAGI PRODUK PAJAK GADAI-i**

**1. Kenapa konsep Syariah bagi produk Pajak Gadai-i perlu ditukar daripada konsep sedia ada iaitu gabungan prinsip Qard, Wadi'ah dan Ujrah kepada konsep Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq).**

- Perubahan konsep Syariah bagi produk Pajak Gadai-i adalah sebahagian daripada inisiatif penyeragaman semula ke atas semua produk Pajak Gadai-i agar selari dengan keputusan semasa yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- Untuk makluman, konsep Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) produk Pajak Gadai-i telah mula ditawarkan oleh Bank Rakyat mulai 01/02/2020.

**2. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq).**

- Kemudahan pembiayaan di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) adalah merujuk kepada struktur pembiayaan di mana Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dengan harga kos, dan seterusnya Bank menjual komoditi tersebut kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga Jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh.

Berdasarkan kontrak Wakalah, pelanggan bersetuju melantik Bank sebagai ejen belian (mewakili pelanggan) untuk membeli komoditi tersebut daripada Bank setelah bank membeli komoditi tersebut daripada pihak pembekal komoditi. Seterusnya, Bank mewakili pelanggan sebagai ejen jualan untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga akan dimasukkan ke dalam akaun atau diberikan secara tunai kepada pelanggan.

Sekiranya pelanggan berhasrat untuk mengambil milikan fizikal ke atas komoditi yang dibeli, pelanggan diminta untuk memaklumpkannya terlebih dahulu kepada pihak bank dan segala urusan dan caj penghantaran komoditi adalah ditanggung oleh pihak pelanggan.

**3. Apakah terdapat sebarang perubahan terhadap ciri-ciri produk setelah perubahan konsep dilaksanakan?**

- Ciri-ciri produk tidak berubah kecuali melibatkan tempoh pembiayaan yang ditetapkan adalah 18 bulan dengan tambahan syarat seperti berikut;
  - i) Bayaran keuntungan perlu dibayar sebelum / pada tarikh matang keuntungan setiap (6) bulan pertama dan kedua.
  - ii) Jumlah pembiayaan dan bayaran keuntungan ketiga / terakhir hendaklah dibayar penuh pada tarikh matang pembiayaan.

**4. Bagaimanakah proses penukaran konsep ini berlaku?**

- Proses penukaran konsep ini boleh berlaku melalui dua kaedah seperti berikut;

Kaedah	Tempoh Masa	Perlaksanaan
Kaedah 1	Berkuatkuasa serta merta hingga 30/07/2021.	Kaedah ini adalah seperti sedia ada dimana pelanggan perlu hadir secara fizikal ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change untuk melaksanakan transaksi tebus dan gadai semula (overlap).  Tarikh akhir adalah pada 30/07/2021.
Kaedah 2	Berkuatkuasa pada 31/07/2021	Sekiranya pelanggan gagal untuk hadir, penukaran kontrak akan dilaksanakan secara automatik iaitu tanpa melibatkan kehadiran pelanggan secara fizikal ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change.  Tarikh penukaran automatik adalah pada 31/07/2021.

**5. Adakah pelanggan akan menerima notis pemberitahuan mengenai penukaran konsep ini?**

- Ya. Melalui dua hebahan iaitu;

- i) Hebahan dan pemberitahuan umum melalui laman sosial Bank Rakyat iaitu Laman Web Bank Rakyat ([www.bankrakyat.com.my](http://www.bankrakyat.com.my)), Facebook dan Instragram, dan;
- ii) Penghantaran notis Makluman Penukaran Kontrak (Konsep) Syariah Bagi Produk Pajak Gadai-i Bank Rakyat kepada pelanggan melalui Pos Malaysia yang akan diedarkan bermula 09/07/2021.

**6. Notis Makluman Penukaran Kontrak (Konsep) Syariah Bagi Produk Pajak Gadai-i tidak diterima atau hilang dari simpanan. Bagaimana untuk mendapatkan salinan notis tersebut?**

- Pelanggan boleh hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 untuk sebarang bantuan.

**7. Apakah yang perlu dilaksanakan sekiranya pelanggan tidak bersetuju ke atas penukaran konsep?**

- Senario 1 - Sehingga tarikh 30/07/2021

Pelanggan boleh hadir secara fizikal ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change untuk melaksanakan perbincangan atau penebusan sebelum tarikh 30/07/2021.

- Senario 1 - Selepas tarikh 31/07/2021

- Berdasarkan kepada Perkara 4 di atas, penukaran konsep secara automatik akan dilaksanakan pada 31/07/2021 tanpa kehadiran pelanggan melalui pemberian notis Makluman Penukaran Kontrak (Konsep) Syariah Bagi Produk Pajak Gadai-i Bank Rakyat “deemed consent” yang akan diedarkan kepada pelanggan.
- Seperti yang dimaklumkan pada Perkara 8 dan 10 di bawah, penukaran konsep ini tidak melibatkan sebarang caj atau kos tambahan.
- Perkara 8 secara jelas menyatakan selain daripada baki pembiayaan sedia ada yang kekal dan tidak berubah, pengiraan jumlah keuntungan sebelum dan selepas penukaran konsep adalah dikira secara harian.
- Bagi senario ini, pelanggan boleh hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change selepas tarikh 31/07/2021 untuk melaksanakan penebusan mengikut jumlah baki pembiayaan sedia ada dan jumlah keuntungan sehingga hari penebusan.

**8. Bagi situasi pelanggan tidak bersetuju ke atas penukaran konsep samada sebelum atau selepas tarikh 31/07/2021, adakah terdapat sebarang pertambahan caj terlibat?**

- Tiada. Selain daripada baki pembiayaan, jumlah keuntungan bagi kedua-dua konsep adalah dikira secara harian sehingga kepada hari transaksi penebusan.

**9. Pelanggan bersetuju untuk penukaran konsep Syariah, tetapi mempunyai kekangan untuk hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change. Apakah yang perlu dilaksanakan?**

- Penukaran konsep secara automatik akan dilaksanakan pada 31/07/2021 tanpa melibatkan kehadiran pelanggan secara fizikal di Cawangan / Ar-Rahnu X'Change.

**10. Dengan penukaran konsep ini, adakah terdapat sebarang caj atau kos tambahan yang dikenakan kepada pelanggan.**

- Penukaran konsep Syariah ini tidak melibatkan sebarang tambahan caj atau kos.

**11. Bagi penukaran konsep secara automatik pada tarikh 31/07/2021, bagaimanakah akad berlaku? Adakah pelanggan perlu hadir secara fizikal ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change.**

- Pelanggan tidak perlu hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change. Penukaran konsep akan dilaksanakan secara automatik tanpa melibatkan kehadiran pelanggan di mana pelanggan dianggap bersetuju untuk melantik pihak bank sebagai wakil pelanggan untuk melaksanakan transaksi Tawarruq.

**12. Bagi pelanggan yang terlibat dengan pertukaran secara automatik, adakah pelanggan perlu menandatangani sebarang borang atau surat sebagai tanda persetujuan untuk membenarkan perubahan konsep Syariah?**

- Tidak perlu.

**13. Sekiranya penukaran konsep Syariah dilaksanakan secara automatik pada tarikh 31/07/2021 tanpa kehadiran pelanggan secara fizikal, apakah maklumat yang perlu diketahui oleh pelanggan ?**

- Berdasarkan kepada kandungan Notis Makluman Penukaran Kontrak (Konsep) Syariah Bagi Produk Pajak Gadai-i Bank Rakyat yang dihantar kepada pelanggan, secara khususnya Pelanggan telah menyatakan persetujuan untuk membenarkan dan melantik Bank Rakyat sebagai wakil berasaskan kontrak Wakalah untuk melaksanakan melaksanakan transaksi Tawarruq dan penukaran akaun yang melibatkan konsep Syariah yang baru.
- Notis Makluman Penukaran Kontrak (Konsep) Syariah Bagi Produk Pajak Gadai-i Bank Rakyat yang akan diterima oleh pelanggan akan memaparkan maklumat perincian akaun seperti berikut;

No	Perkara	Maklumat
1	Marhun dan Baki Pembiayaan.	Kekal seperti akaun sedia ada.
2	Baki Upah Simpan.	Kekal seperti jumlah pada tarikh 31/07/2021 dan dibawa ke akaun baru.
3	Tempoh Gadaian.	Berubah dengan maksimum 18 bulan.
4	Jumlah Keuntungan.	Berubah. Jumlah keuntungan untuk 18 bulan.
5	Harga Jualan (Akad Kontrak).	Berubah mengikut Jumlah keseluruhan pembiayaan untuk 18 bulan. (Baki Pembiayaan + Baki Upah Simpan + Jumlah Keuntungan).
6	Tarikh Tempoh Pembiayaan.	Berubah bermula daripada 31/07/2021 – 31/01/2023.

Ibra' akan diberikan ke atas Harga Jualan (Jumlah Pembiayaan + Keuntungan) dengan pelarasan ke atas jumlah bayaran pendahuluan (*advance payment*) sekiranya ada.

**14. Apakah kriteria atau kelayakan untuk penukaran konsep secara automatik pada 31/07/2021?**

- Akaun berstatus aktif dan tidak berada dalam tindakan lelongan. Pelanggan boleh hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 untuk sebarang bantuan.

**15. Akaun pelanggan sedia ada akan tamat tempoh sebelum atau selepas tarikh 31/07/2021? Adakah tarikh tamat tempoh akan kekal atau berubah?**

- Selaras dengan penukaran konsep secara automatik pada 31/07/2021, tempoh akaun baru adalah 18 bulan bermula daripada 31/07/2021 hingga 31/01/2023 dengan syarat berikut;

<b>Bayaran Keuntungan</b>	<b>Pertama</b>	<b>Kedua</b>	<b>Ketiga</b>
Tarikh	Sebelum/Pada 31/01/2022	Sebelum/Pada 31/07/2022	Sebelum/Pada 31/01/2023

- Bayaran keuntungan hendaklah dibayar setiap enam (6) bulan pada Tarikh Bayaran Keuntungan Pertama dan Kedua.
- Jumlah pembiayaan dan bayaran keuntungan ketiga / terakhir perlu dijelaskan penuh pada Tarikh Matang Pembiayaan.

**16. Bagaimanakah pelanggan akan mengetahui akaun milik pelanggan telah dilaksanakan penukaran konsep secara autosistem pada 31/07/2021?**

- Penukaran konsep secara automatik akan dilaksanakan pada 31/07/2021. Pelanggan akan dimaklumkan transaksi tersebut melalui SMS ke atas nombor telefon yang berdaftar. Antara maklumat yang terkandung dalam SMS adalah nombor akaun Pajak Gadai-i baru.

Berkuatkuasa penerimaan SMS, pelanggan perlu menggunakan nombor akaun Pajak Gadai-i untuk melaksanakan sebarang transaksi. Nombor akaun Pajak Gadai-i lama tidak boleh digunakan dan tidak aktif.

Walaupun bagaimanapun, nombor akaun Pajak Gadai-i lama boleh dijadikan sebagai rujukan sekiranya nombor akaun Pajak Gadai-i baru tidak dicatatkan.

Pelanggan boleh hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 untuk sebarang bantuan.

**17. Adakah pelanggan dibenarkan untuk ingin melaksanakan sebarang bayaran (seperti bayaran keuntungan / upah simpan dan sebagainya) samada selepas atau sebelum tarikh 31/07/2021.**

- Pelanggan adalah dibenarkan untuk melaksanakan bayaran seperti biasa. Walaupun bagaimanapun, nombor akaun yang akan digunakan adalah bergantung kepada dua senario di bawah;

i) Senario 1 – Sehingga tarikh 30/07/2021

Menggunakan nombor akaun Pajak Gadai-i sedia ada.

ii) Senario 2 – Selepas tarikh 31/07/2021

Sepertimana yang dijelaskan dalam Perkara 16, pelanggan akan menerima maklumat nombor akaun Pajak Gadai-i yang baru melalui notifikasi melalui SMS. Berkuatkuasa serta merta, pelanggan perlu menggunakan nombor akaun baru Pajak Gadai-i untuk melaksanakan sebarang transaksi.

Pelanggan boleh hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change yang berdekatan atau menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 untuk sebarang bantuan.

**18. Pada kebiasaannya, pelanggan akan memperolehi Surat Akaun Gadaian (SAG) baru pada masa transaksi untuk rujukan dan catatan nombor akaun Pajak Gadai-i baru. Adakah pelanggan boleh mendapatkan SAG baru tersebut?**

- Pelanggan boleh mendapatkan Surat Akaun Gadaian (SAG) baru dengan hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change selepas tarikh 31/07/2021 pada bila-bila masa mengikut masa operasi yang ditetapkan. Tiada had tempoh yang diberikan kepada pelanggan.

**19. Maklumat pelanggan seperti alamat surat menyurat, nombor telefon telah bertukar. Apakah yang perlu dilaksanakan?**

- Pelanggan perlu mengemaskini maklumat yang berkaitan dengan hadir ke Cawangan / Ar-Rahnu X'Change yang berhampiran.
- Menghubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 untuk mengemaskini maklumat.

**20. Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan penukaran konsep ini?**

- Maklumat lanjut boleh diperolehi seperti berikut:
  - i) Mengunjungi Cawangan Bank Rakyat / Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat berhampiran.
  - ii) Menghubungi Pusat Panggilan di talian 1300-80-5454.
  - iii) Media sosial Bank Rakyat (Instagram, Facebook dan Twitter).